



KETUA PENGARAH PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Aras 13, Blok F5, Kompleks F, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8091 0000
Laman Web: www.planmalaysia.gov.my
E-mel: alias@planmalaysia.gov.my

Rujukan Kami: JPBD(IP) 185/656/22 (15)

Pekeliling Ketua Pengarah
Perancangan Bandar Dan Desa (PLANMalaysia)
Bilangan 1 Tahun 2023

ADDENDUM DOKUMEN *STANDARD OPERATING PROCEDURE* (SOP)
PENGURUSAN DATA GEOSPATIAL

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penjelasan serta panduan berhubung addendum SOP 3 – Pengumpulan, Perolehan Dan Semakan Data Geospacial Kajian Rancangan Pemajuan yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Maklumat Gunatanah (JPMG) Bilangan 2 Tahun 2022 yang diadakan pada 5 Januari 2023.

LATAR BELAKANG

2. Dokumen *Standard Operating Procedure* (SOP) Pengurusan Data Geospacial terbitan Mei 2022 yang disediakan oleh Bahagian Maklumat Gunatanah Negara (BMGN) telah diedarkan pada 24 Jun 2022 kepada semua Agensi Pengguna Khusus (Bahagian di Ibu Pejabat PLANMalaysia, Pejabat Projek Zon dan PLANMalaysia Negeri). Dokumen SOP ini mengandungi lima (5) SOP berkaitan data geospacial iaitu:-

- a) SOP 1 – Penubuhan Kumpulan Kerja Data Geospacial (KKDG);
- b) SOP 2 – Pengemaskinian Data I-Plan;
- c) SOP 3 – Pengumpulan, Perolehan dan Semakan Data Geospacial Kajian Rancangan Pemajuan;
- d) SOP 4 – Pengumpulan, Perolehan dan Semakan Data Geospacial Kajian Selain Rancangan Pemajuan; dan

e) SOP 5 – Permohonan Data Geospasial Daripada Pangkalan Data BMGN.

3. SOP 3 – Pengumpulan, Perolehan dan Semakan Data Geospasial Kajian Rancangan Pemajuan memberi panduan berhubung tatacara menjalankan kajian rancangan pemajuan sehingga pewartaan dokumen yang merangkumi pemantauan dan kawalan penyediaan data (Laporan Pangkalan Data dan data GIS kajian) di setiap peringkat kajian.

4. Namun begitu, **tiada proses kerja berkaitan semakan dan pindaan akhir data GIS** dinyatakan secara spesifik dalam SOP ini **selepas bayaran akhir perunding yang dilantik sehingga pewartaan dokumen** oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri.

5. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Pengurus Projek PLANMalaysia Bilangan 2 Tahun 2022 bertarikh 4 November 2022 memutuskan supaya dokumen SOP memperincikan proses kerja penyelarasan data GIS dengan dokumen rancangan pemajuan bercetak agar tiada percanggahan maklumat berlaku sebelum pewartaan dilaksanakan.

ADDENDUM PROSES KERJA SOP 3 – PENGUMPULAN, PEROLEHAN DAN SEMAKAN DATA GEOSPATIAL KAJIAN RANCANGAN PEMAJUAN

6. Menambah proses kerja **Penyelarasan, Semakan dan Pindaan Akhir Data** dalam Jadual 10 : Proses Kerja SOP 3 – Pengumpulan, Perolehan dan Semakan Data Geospasial Kajian Rancangan Pemajuan (selepas proses kerja Semakan / Ulasan muka surat 31 dan 32 SOP Pengurusan Data Geospasial), seperti berikut:-

| Proses Kerja | | Tanggungjawab |
|-------------------------|---|--|
| Semakan / Ulasan | | |
| 6. | Membuat semakan Laporan Pangkalan Data GIS dan data GIS serta mengemukakan ulasan kepada Pasukan Teras di setiap peringkat kajian, dan sebelum bayaran akhir kajian:- i. KKDG PPZ / KKDG PLANMalaysia Negeri | KKDG PPZ / KKDG PLANMalaysia Negeri |


| Proses Kerja | | Tanggungjawab |
|---|---|---|
| | <p>ii. Membuat semakan dan menyediakan ulasan berdasarkan Senarai Semak Laporan Pangkalan Data GIS.</p> <p>ii. Ulasan oleh KKDG BMGN Membuat semakan terhadap data GIS dan menyediakan ulasan menggunakan Senarai Semak Data Geospasial Guna Tanah Perancangan (Kegunaan APK Sahaja) bagi memastikan pematuhan kepada Manual GIS Rancangan Pemajuan.</p> | KKDG BMGN |
| Penyelarasan, Semakan dan Pindaan Akhir Data | | |
| 7. | <p>Menyelaras, menyemak dan meminda data GIS (<i>softcopy</i>) agar tiada percanggahan maklumat antara data GIS (<i>softcopy</i>) dan dokumen (<i>hardcopy</i>) sehingga pewartaan selesai, melalui penubuhan Taskforce yang diketuai oleh KKDG PPZ, selepas bayaran akhir perunding di peringkat Draf Rancangan Struktur (DRS) / Draf Rancangan Tempatan (DRT) / Draf Akhir Rancangan Kawasan Khas (DARKK) serta selepas Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (JSTP);</p> <p>ATAU</p> <p>KKDG PLANMalaysia Negeri berperanan mengetuai Taskforce tersebut jika kajian rancangan pemajuan disediakan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri atau PBT atau secara perkongsian peruntukan kedua-duanya.</p> | <p>KKDG PPZ (ketua) / Pasukan Teras / KKDG PLANMalaysia Negeri / PBT / KKDG BMGN</p> <p>KKDG PLANMalaysia Negeri (ketua) / Pasukan Teras / PBT / KKDG PPZ / KKDG BMGN</p> |


| Proses Kerja | | Tanggungjawab |
|--------------------------|--|---------------------------|
| | Memastikan data GIS mematuhi Manual GIS Rancangan Pemajuan terkini. | |
| Serahan Dokumen dan Data | | |
| 8. | <p>Penyerahan Dokumen Rancangan Pemajuan Yang Telah Diwartakan</p> <p>Setelah rancangan pemajuan diwartakan, PLANMalaysia Negeri hendaklah mengemukakan perkara-perkara berikut kepada UPP untuk edaran kepada BMGN dan Perpustakaan PLANMalaysia menggunakan Borang Serahan Dokumen dan Data Geospasial Kajian:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Dokumen rancangan pemajuan <i>hardcopy</i> dan <i>softcopy</i> (.pdf) yang telah diwartakan; ii. Data GIS (.shp / .tab dan .workspace / .project); dan Laporan Pangkalan Data GIS <i>hardcopy</i> dan <i>softcopy</i> (.pdf). | PLANMalaysia Negeri / UPP |

Nota: Addendum Proses Kerja

ADDENDUM CARTA ALIR SOP 3 – PENGUMPULAN, PEROLEHAN DAN SEMAKAN DATA GEOSPATIAL KAJIAN RANCANGAN PEMAJUAN

7. Menambah proses kerja **Penyelarasan, Semakan dan Pindaan Akhir Data** dalam Rajah 9 : Carta Alir SOP 3 – Pengumpulan, Perolehan dan Semakan Data Geospasial Kajian Rancangan Pemajuan (muka surat 34 SOP Pengurusan Data Geospasial) seperti berikut:-





Nota: Addendum Carta Alir

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

8. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Bahagian, Pejabat Projek Zon dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri (PLANMalaysia Negeri) serta berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan dokumen *Standard Operating Procedure (SOP) Pengurusan Data Geospacial* terbitan Mei 2022.

PERTANYAAN

9. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:-

Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Blok F5, Kompleks F, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA
(u.p. Pengarah Bahagian Maklumat Guna Tanah Negara)
No. Tel. : 03-8091 0000 No. Faks : 03-8091 0455

PENUTUP

10. Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Bahagian di Ibu Pejabat Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Pejabat Projek Zon dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri (PLANMalaysia Negeri) untuk perhatian serta tindakan sewajarnya.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



TPr DR. ALIAS BIN RAMELI

9 Februari 2023

s.k

Semua Pengarah Bahagian

Semua Pengarah Pejabat Projek Zon

Semua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri